

LAMPIRAN KETERANGAN PRODUK BAGI ORANG YANG DILINDUNGI

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

(Sila baca Lampiran Keterangan Produk ini sebelum Anda membuat keputusan untuk mengambil Cancer Plan. Sila pastikan juga Anda baca terma-terma dan syarat-syarat umum.)

Prudential BSN Takaful Berhad
Cancer Plan
Mar 2024

1. Apakah produk ini?

Ini adalah pelan takaful keluarga bertempoh yang boleh diperbaharui setiap tahun yang memberi perlindungan terhadap kanser sehingga berumur 70 tahun pada hari lahir yang akan datang, tertakluk kepada pembaharuan. Apabila didiagnosis dengan kanser, Manfaat Kanser akan dibayar dari dana *Tabarru`*. Tiada amaun akan dibayar apabila peserta meninggal dunia.

2. Apakah konsep Syariah yang berkenaan?

- *Ta`awun* - persetujuan untuk saling membantu berdasarkan prinsip pertolongan bersama. Takaful adalah berdasarkan konsep *Ta`awun* seperti yang ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang bermaksud suatu persetujuan yang berdasarkan kepada pertolongan bersama di mana peserta-peserta takaful bersetuju untuk menyumbang ke dalam suatu dana yang akan memberi manfaat kewangan yang akan dibayar kepada peserta-peserta takaful atau kepada waris mereka sekiranya berlaku perkara-perkara yang telah dipersetujui terlebih dahulu. Merujuk kepada perkara di atas, sumbangan yang akan dimasukkan dan dikumpulkan ke dalam dana bersama iaitu Dana *Tabarru`* adalah *Tabarru`at* (kebajikan) secara alami.
- *Wakalah bi al-ujrah* - Persetujuan di mana Kami dilantik untuk menguruskan perkhidmatan keseluruhan yang disediakan di bawah sijil Anda. Kami (Prudential BSN Takaful Berhad) akan mengambil sebahagian daripada sumbangan anda sebagai Caj *Wakalah* sebagai balasan bagi perkhidmatan ini. Selain daripada Caj *Wakalah*, Kami juga layak menerima yuran prestasi di atas lebihan yang boleh diagihkan daripada dana *Tabarru`*.

3. Apakah perlindungan/manfaat-manfaat yang disediakan?

a) Manfaat Kanser*

- Selepas Orang Yang Dilindungi didiagnosis dengan kanser, Manfaat Kanser akan dibayar daripada dana *Tabarru`*, ditolak sebarang jumlah tertunggak yang perlu dibayar kepada Kami. Tiada amaun akan dibayar selepas kematian peserta.

*Manfaat yang dibayar untuk Kanser Tiroid akan dihadkan kepada 10% daripada Manfaat Kanser dan akan dibayar sekali sahaja. Apabila pembayaran tuntutan dibuat, Manfaat Kanser akan dikurangkan mengikut amaun yang dibayar, tetapi tidak akan menjejaskan amaun sumbangan yang perlu dibayar pada ulang tahun sijil. Kami hanya akan membayar Manfaat Kanser yang dikurangkan apabila Anda diagnos dengan mana-mana Kanser yang lain.

- b)** Amaun maksimum yang akan Kami bayar untuk Manfaat Penyakit Kritikal termasuk kanser di bawah sijil ini dan/atau mana-mana sijil lain yang Kami keluarkan adalah TIDAK melebihi RM3,000,000 seorang atau mana-mana had yang ditentukan oleh Kami.

- c) Jangka masa pelan:** Boleh diperbaharui setiap tahun sehingga Orang Yang Dilindungi berumur 70 tahun.

d) Definisi

Kanser bermaksud sebarang tumor malignan yang didiagnos positif dengan pengesahan histologi dan bercirikan pertumbuhan sel malignan yang tidak terkawal dan serangan tisu. Terma tumor malignan termasuk leukemia, limfoma dan sarcoma.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

(a) Semua kanser yang diklasifikasikan secara histologi sebagai salah satu dari berikut:

- pra-malignan
- bukan invasif
- karsinoma in situ
- mempunyai malignan pinggiran (borderline)
- mempunyai potensi malignan; atau

(b) Semua tumor prostat yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM); atau

(c) Semua tumor tiroid yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM); atau

(d) Semua tumor pundi kencing yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM); atau

(e) Leukemia Limfositik Kronik kurang daripada RAI Tahap 3; atau

(f) Semua kanser dengan kewujudan HIV; atau

(g) Sebarang kanser kulit selain daripada malignan melanoma.

Kanser Tiroid bermaksud sebarang tumor malignan di kelenjar tiroid yang didiagnos positif dengan pengesahan histologi dan bercirikan pertumbuhan sel malignan yang tidak terkawal dan pencerobohan tisu. Untuk definisi di atas,

semua tumor tiroid secara histologi yang dikelaskan sebagai T1N0M0 (pengelasan TNM) adalah tidak dilindungi.

4. Berapakah sumbangan yang harus dibayar?

- Jumlah sumbangan yang perlu Anda bayar dan terma-terma sijil mungkin berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan.
- Sumbangan untuk pelan ini berbeza mengikut umur Orang Yang Dilindungi pada setiap tarikh ulang tahun sijil dan akan dibayar untuk keseluruhan tempoh sijil. Sila rujuk Lampiran 1 untuk contoh sumbangan.
- Sumbangan untuk pelan ini adalah tidak dijamin dan boleh disemak semula pada ulang tahun sijil. Kami akan memaklumkan kepada Anda tentang sumbangan yang disemak semula dengan memberikan notis sekurang-kurangnya 30 hari sebelum ulang tahun sijil.
- Sumbangan hendaklah dibayar sehingga umur 69 tahun pada hari lahir yang akan datang.
- Adalah penting untuk Anda menyimpan Penyata Kad Kredit, Kad Debit atau Penyata Bank yang diterima sebagai bukti pembayaran sumbangan untuk rujukan pada masa akan datang.

5. Apakah yuran dan caj-caj yang harus dibayar?

- Caj *Wakalah* Pendahuluan - 50% daripada jumlah sumbangan tahunan yang dibayar.
- Caj *Tabbaru`* - 50% daripada jumlah sumbangan tahunan yang dibayar.

'Potongan *Tabarru`* dan caj adalah tidak dijamin dan mungkin akan disemak semula pada ulang tahun sijil. Kami akan memaklumkan kepada Anda tentang Potongan *Tabarru`* dan caj yang disemak semula dengan memberikan notis sekurang-kurangnya 30 hari sebelum ulang tahun sijil.

6. Apakah terma dan syarat utama yang perlu diketahui?

- **Kepentingan pendedahan** - Anda mesti mendedahkan semua fakta penting termasuk, tetapi tidak terhad kepada, keadaan kesihatan dan Anda mestilah menyatakan umur Anda dengan betul. Anda mempunyai kewajiban untuk mendedahkan semua maklumat yang relevan yang Anda tahu atau sepatutnya tahu sebaik pengetahuan Anda dan atas niat baik. Jika Anda gagal untuk berbuat demikian, Kami boleh menamatkan sijil Anda. Kewajipan umum untuk membuat pendedahan akan sentiasa berterusan dan akan memerlukan Anda untuk memaklumkan kepada Kami tentang sebarang perubahan ke atas maklumat yang telah didedahkan atau sebarang maklumat baru yang relevan dengan sijil.
- **Tempoh rujukan percuma** - Ahli yang Dilindungi boleh membatalkan perlindungan takaful dengan memaklumkan terus kepada PruBSN dengan memberikan butiran maklumat peribadi dalam tempoh lima belas (15) hari dari Tarikh Berkuat kuasa Ahli yang Dilindungi. PruBSN akan membayar balik sumbangan yang dibuat untuk perlindungan takaful yang berkenaan kepada Ahli Yang Dilindungi.
- **Tempoh menunggu** - kelayakan untuk manfaat-manfaat di bawah pelan ini hanya akan bermula 60 hari selepas tarikh permulaan.
- **Sijil Luput** - Jika Anda gagal membayar sumbangan dalam masa 30 hari dari tarikh sumbangan patut dibayar, sijil Anda akan tamat dan tidak lagi berkuatkuasa. Penguatkuasaan semula adalah tidak dibenarkan untuk sijil yang telah luput.
- **Pembaharuan** - Sijil ini akan diperbaharui pada setiap ulang tahun sijil selagi sumbangan dibayar oleh Anda mengikut kadar sumbangan semasa yang dikira berdasarkan umur pada hari lahir yang akan datang pada ulang tahun sijil dan tertakluk kepada syarat penarikan balik portfolio.
- **Sijil penarikan balik portfolio** - Bagi melindungi atau mendahulukan kepentingan Anda dan pelanggan Kami yang lain dengan adil, Kami mungkin akan membatalkan portfolio secara keseluruhan jika Kami membuat keputusan untuk tidak meneruskan pengunderitan pelan ini. Dengan berbuat demikian, Kami akan berhenti memperbaharui sebarang sijil yang perlu diperbaharui pada ulang tahun sijil dan berhenti menerima apa-apa sijil baru. Kami akan memaklumkan kepada Anda tentang keputusan Kami dengan memberi notis sekurang-kurangnya 30 hari. Sijil Anda akan terus berkuatkuasa sehingga ulang tahun sijil selepas notis tersebut.
- **Penukaran pelan** - Sila ambil perhatian bahawa jika Anda menukar pelan semasa Anda dengan yang lain atau dari satu pengendali kepada yang lain, Anda mungkin tertakluk kepada pengunderaitan baharu dan tempoh menunggu untuk pelan baharu.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Ringkasan Sijil untuk senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat di bawah sijil ini.

7. Apakah pengecualian-pengecualian di bawah pelan ini?

Kami tidak akan membayar Manfaat Kanser jika:

- (a) simptom kanser muncul dalam tempoh 60 hari dari tarikh permulaan; atau
- (b) Kanser disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau kewujudan sebarang jangkitan Human Immunodeficiency Virus (HIV); atau
- (c) disebabkan oleh sebarang keadaan sedia ada yang tidak didedahkan kepada Kami. Pengecualian ini akan digunapakai selama 12 bulan dari tarikh permulaan. Sebarang keadaan sedia ada yang tidak didedahkan kepada Kami selepas tempoh 12 bulan tersebut akan diambil tindakan sewajarnya mengikut Jadual 9 bagi Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Ringkasan Sijil untuk senarai penuh pengecualian-pengecualian di bawah sijil ini.

8. Bolehkah perlindungan di bawah pelan ini dibatalkan?

Anda boleh membatalkan sijil Anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Walau bagaimanapun, jika Anda memilih untuk membatalkan sijil Anda selepas tempoh rujukan percuma, tiada amaun serahan yang akan dibayar kepada Anda. Sebaliknya, Kami akan terus memberikan perlindungan kepada Anda sehingga ulang tahun sijil selepas Anda memberikan notis tersebut.

9. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada butiran perhubungan?

Adalah penting bagi Anda untuk memaklumkan kepada Kami sekiranya terdapat perubahan pada butiran perhubungan bagi memastikan segala surat-menyurat akan sampai tepat pada waktunya.

10. Di manakah untuk mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya Anda memerlukan maklumat lanjut mengenai takaful keluarga, sila hubungi Kami di:

Prudential BSN Takaful Berhad (200601020898 (740651-H))

Aras 13, Menara Prudential,
Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange,
Kuala Lumpur.

Tel: **03 2775 7188**

E-mel: customer@prubsn.com.my

Orang yang Dilindungi juga boleh lawati laman web PruBSN di www.prubsn.com.my

Prudential BSN Takaful Berhad adalah Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

11. Lain-lain perlindungan takaful keluarga yang ditawarkan:

Sila hubungi PruBSN untuk mengetahui jenis-jenis perlindungan takaful lain yang ditawarkan.

NOTA PENTING:

ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SEPENUHNYA SEMUA MAKLUMAT MENGENAI MANFAAT-MANFAAT DAN TERMA-TERMA YANG TERKANDUNG DI DALAM LAMPIRAN KETERANGAN PRODUK INI. ANDA BOLEH MENGHUBUNGI TERUS PRUBSN SEKIRANYA ANDA INGINKAN MAKLUMAT LANJUT.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Maklumat yang disediakan di dalam lampiran keterangan ini adalah:

Disediakan oleh:

Tarikh:

Versi:

Prudential BSN Takaful Berhad

Mar 2024

Cancer Plan v3.0

Lampiran 1 - Kadar Caruman setiap RM20,000 Jumlah Perlindungan

Umur Hari Lahir Akan Datang Orang yang Dilindungi	Lelaki, Bukan Perokok	Lelaki, Perokok	Perempuan, Bukan Perokok	Perempuan, Perokok
19	29	30	34	34
20	30	32	36	36
21	31	34	38	40
22	32	36	39	42
23	33	38	40	45
24	34	40	42	47
25	36	42	43	50
26	36	46	44	53
27	37	48	44	55
28	38	50	46	57
29	40	52	49	62
30	41	54	50	66
31	43	57	53	68
32	45	59	55	74
33	46	61	57	80
34	47	64	62	85
35	49	67	65	89
36	50	69	68	96
37	51	73	71	104
38	54	76	76	116
39	56	80	82	129
40	59	85	88	142
41	62	90	97	157
42	66	97	104	171
43	70	104	111	188
44	74	111	118	201
45	78	118	125	215
46	82	125	131	231
47	86	132	140	246
48	90	139	152	263
49	94	146	166	280

Umur Hari Lahir Akan Datang Orang yang Dilindungi	Lelaki, Bukan Perokok	Lelaki, Perokok	Perempuan, Bukan Perokok	Perempuan, Perokok
50	98	153	177	307
51	102	159	190	340
52	107	167	209	363
53	114	192	222	386
54	125	220	235	409
55	136	242	247	431
56	153	275	256	453
57	167	302	271	471
58	183	331	281	489
59	200	362	291	514
60	218	396	309	541
61*	237	439	324	567
62*	258	479	340	590
63*	282	523	352	621
64*	307	570	364	642
65*	333	619	378	667
66*	375	696	384	683
67*	404	751	401	712
68*	434	807	418	743
69*	464	864	437	776

* Cadangan sumbangan tahunan untuk umur 61 tahun ke atas adalah untuk pembaharuan sahaja.